

# Draf isu nuklear Iran siap

BH-16/05/2006

## NAM harap AS mahu terus berdialog, berunding seperti diusul Russia

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

**P**UTRAJAYA: Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) dijangka mengumumkan pendirian mengenai isu nuklear Iran selepas Mesyuarat Peringkat Menteri Biro Penyelarasan NAM (NAM-CoB) selama empat hari di sini mulai Sabtu ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia sebagai tuan rumah NAM-CoB sudah menyiapkan draf pernyataan pendirian NAM terhadap isu itu tetapi keputusan muktamad tertakluk kepada perbincangan perwakilan.

"Pernyataan itu mungkin dikeluarkan berasingan daripada rumusan NAM-CoB atau dimasukkan satu perenggan dalam hasil mesyuarat ber-

kenaan," katanya kepada pemberita di pejabatnya di Wisma Putra di sini semalam.

Syed Hamid berkata, isu memperkayakan uranium bagi tujuan tenaga oleh Iran akan diberi perhatian khas dalam pertemuan NAM-CoB memabitkan 114 anggota pergerakan itu.

"Kita berpegang kepada prinsip tidak perlu berhadapan dengan konflik ketenteraan secara terbuka yang boleh menggugat ketenteraman dan keamanan dunia.

"Dalam isu nuklear Iran, kita berharap Amerika Syarikat mahu terus berdialog dan berunding seperti yang diusulkan Russia. Kita tidak boleh membantah penggunaan nuklear untuk tenaga kecuali ia membawa permulaan kepada membina

**“** *Kita berpegang kepada prinsip tidak perlu berhadapan dengan konflik ketenteraan secara terbuka yang boleh menggugat ketenteraman dan keamanan dunia”*

**Syed Hamid Albar**  
Menteri Luar

senjata pemusnah," katanya.

Syed Hamid berkata, ketika kos tenaga berasaskan fosil seperti minyak semakin tinggi sekarang, sumber tenaga alternatif memang diperlukan oleh mana-mana negara.

"Sehubungan itu, tindakan mengekalkan sekatan ekonomi dan sebagainya oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tidak akan menyelesaikan isu berkenaan," katanya.

Mengenai NAM-CoB, Syed Hamid berkata, mesyuarat itu akan menetapkan agenda perbincangan Sidang Kemuncak Kemuncak NAM di Havana, Cuba pada September ini.

Beliau berkata, pada sidang kemuncak itu, Malaysia akan melepas-

kan tugas sebagai Pengerusi NAM kepada Cuba.

"Malaysia memainkan peranan aktif ketika menjadi Pengerusi NAM selama tiga tahun, antaranya memulakan mesyuarat khas membincangkan peranan wanita dalam pembangunan.

"NAM juga banyak menyuarakan pendiriannya berhubung isu konflik Palestin termasuk ketika pertemuan PBB di New York," katanya.

Syed Hamid berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijadual merasmikan NAM-CoB pada Isnin depan.

Beliau berkata, seramai 80 menteri bersetuju menghadiri NAM-CoB, manakala negara lain menghantar wakil masing-masing di peringkat ketua setiausaha.